

TUNTUTAN KOS BAIKPULIH DARIPADA PENGILANG LUAR NEGARA DI BAWAH SUATU WARANTI TIDAK TERTAKLUK KEPADA PENGENAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP)

TARIKH KUATKUASA: 1 JULAI 2017

Adalah dimaklumkan bahawa YB Menteri Kewangan telah bersetuju supaya tuntutan kos baikpulih barang di bawah suatu waranti yang dibuat oleh pemegang francais, pembekal, pengedar, atau sub-pengedar (*sub-dealers*) (selepas ini dirujuk sebagai pihak yang menuntut) daripada pengilang luar negara adalah "*kos tuntutan balik (cost recovery)*" dan tidak tertakluk kepada kenaaan CBP. Layanan ini tertakluk kepada syarat:-

- a. Kos tuntutan balik dituntut menurut suatu kontrak/perjanjian dengan pengilang luar negara;
- b. Barang yang diberi waranti adalah barang dari pengilang luar negara yang dibekalkan kepada pihak yang menuntut sama ada secara terus atau melalui pemegang francais, pembekal, atau pengedar dan barang tersebut merupakan aset perniagaan (*trading stock*) kepada pihak yang menuntut tersebut sebelum ianya dibekalkan kepada pelanggan;
- c. Kos tuntutan balik adalah bersamaan dengan kos yang ditanggung oleh pihak yang menuntut;
- d. Sekiranya wujud elemen keuntungan (*mark-up*) yang bukan disebabkan oleh kadar tukaran matawang dalam tuntutan yang dibuat dan elemen tersebut (tanggungans kos tambahan yang bukan di dalam kontrak) melebihi had yang dibenarkan dalam kontrak maka CBP pada kadar 6% hendaklah dikenakan ke atas amaun yang dibayar oleh pengilang luar negara;
- e. Pihak yang menuntut perlu menyimpan dokumen-dokumen berikut untuk tujuan auditan dan semakan;
 - (i) Kontrak/perjanjian perlantikan sebagai pemegang francais, pembekal, pengedar, atau sub-pengedar bagi membekalkan barang keluaran pengilang luar negara di Malaysia;
 - (ii) Kontrak/perjanjian dengan pengilang luar negara berhubung kos tuntutan balik yang dibuat kepada pengilang luar negara;
 - (iii) Invois / invois cukai kepada pihak yang menuntut yang menunjukkan kos membaikpulih termasuk kos barang gantian untuk barang di bawah suatu waranti;
 - (iv) Invois atau dokumen tuntutan kepada pengilang luar negara yang mengandungi butir-butir kos membaikpulih termasuk kos barang gantian untuk barang di bawah suatu waranti;
 - (v) Bukti bayaran tuntutan yang dibuat oleh pengilang luar negara kepada pihak yang menuntut;
 - (vi) Kontrak waranti kepada pelanggan yang mengandungi tempoh waranti dan terma-terma waranti; dan
 - (vii) Borang pesanan baikpulih (*repair order form*) atau seumpamanya yang ditandatangani oleh pelanggan;
- f. *Kos tuntutan balik (cost recovery)* di bawah suatu waranti tidak tertakluk kepada kenaaan CBP tidak terpakai sekiranya:

- (i) kos tuntutan balik dibuat kepada pengilang di Malaysia;
 - (ii) barang dijual sendiri oleh pengilang luar negara kepada pelanggan tanpa melalui pemegang francais, pembekal, pengedar, atau sub-pengedar di Malaysia dan pengilang luar negara melantik pihak ketiga bagi menjalankan perkhidmatan baikpulih di bawah suatu waranti; dan
- g. Apa-apa syarat yang boleh ditetapkan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.

Nota:

- ***Sebarang pertanyaan boleh dibuat kepada:***

Sektor 2, Bahagian GST, Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Tingkat 3 – 7, Blok A, Menara Tulus,
No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,
62100 Putrajaya.
Email: gstsector2@customs.gov.my
No. Tel: 03 88822614 / 03 83111306.